



KENYATAAN MEDIA

Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Wilayah Persekutuan)

PUTRAJAYA AKTIF DILANCARKAN: TANGANI OBESITI, AKTIFKAN KOMUNITI

12 APRIL 2026

1. Putrajaya, 12 April 2026 (Ahad) – Putrajaya kini berdepan antara kadar obesiti tertinggi di Malaysia. Ini bukan sekadar statistik. Ini realiti yang menuntut tindakan segera.
2. Selaras dengan dapatan Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2019 yang menunjukkan kadar obesiti dan diabetes di Putrajaya melebihi purata nasional, kerajaan mengambil pendekatan lebih tegas dan berfokus melalui pelancaran Program Putrajaya Aktif 2026 sebagai inisiatif utama membudayakan gaya hidup sihat dalam komuniti.
3. Putrajaya Aktif 2026 merupakan gerakan komuniti yang menjadi teras kepada usaha perubahan gaya hidup sihat di ibu negara pentadbiran ini.
4. Kerajaan tidak boleh menunggu sehingga rakyat jatuh sakit sebelum bertindak. Kesihatan adalah tanggungjawab bersama dan kerajaan mesti memimpin perubahan ini.
5. Majlis pelancaran hari ini dilaksanakan bersekali dengan program Putrajaya Car Free Day di Dataran Putrajaya yang menghimpunkan hampir 2000 peserta. Tiga aktiviti utama diperkenalkan sebagai titik permulaan iaitu lompat tali, sepak takraw dan senaman aerobik yang melibatkan kanak-kanak, pelajar sekolah serta komuniti setempat.
6. Selain itu, Klinik asas bagi lompat tali, sepak takraw dan senamrobik turut disediakan secara percuma bagi membuka peluang kepada lebih ramai penyertaan khususnya dalam kalangan generasi muda.

7. Pada masa sama, Kejohanan Sepak Takraw Remaja Putrajaya turut dianjurkan melibatkan lebih 120 pelajar sekolah dalam tiga kategori umur. Usaha ini bukan sahaja menggalakkan gaya hidup aktif tetapi membuka ruang untuk mencungkil bakat baharu dalam sukan tradisional.
8. Sebagai program utama sepanjang tahun 2026, Putrajaya Aktif akan dilaksanakan secara konsisten di empat lokasi komuniti iaitu Kompleks Kejiranan Presint 11, Presint 16, Presint 9 serta Kompleks Futsal Presint 18. Pendekatan ini memberi fokus kepada penyertaan berterusan dan bukan sekadar aktiviti bermusim.
9. Bagi memperluaskan impak di peringkat komuniti, Program Mini Karnival Sihat Komuniti akan digerakkan di pelbagai zon Putrajaya dengan kerjasama Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Putrajaya bersama rakan strategik lain.
10. Sebagai program sokongan, inisiatif kesihatan komuniti melalui Program BeatNCDs iFiter Putrajaya 2026 akan memperkukuhkan pelaksanaan Putrajaya Aktif melalui pemantauan kesihatan, pengurusan berat badan, aktiviti kecergasan berstruktur serta bimbingan pemakanan secara berterusan.
11. Pendekatan ini menandakan peralihan daripada kempen kesedaran semata mata kepada intervensi yang lebih tersusun dan berimpak.
12. Kerajaan tidak mahu sekadar menganjurkan program. Fokus utama adalah untuk melihat perubahan sebenar iaitu komuniti yang lebih sihat, lebih aktif dan lebih bersatu.
13. Kita tidak boleh normalisasikan obesiti. Kita perlu ubah.
14. Maklumat lanjut boleh diperolehi melalui laman sesawang rasmi Perbadanan Putrajaya di www.ppi.gov.my.